

## SOALAN-SOALAN LISAN

### PERSIDANGAN KETIGA MESYUARAT KEDUA TAHUN KELIMA DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI RABU, 20 JULAI 2022

---

#### 1. **YB DATUK MASLIN SHAM BIN RAZMAN ( BUKIT CHANDAN )**

Adakah kerajaan negeri bersedia membenarkan penggunaan tanah-tanah kerajaan yang terbiar terutamanya tanah-tanah yang strategik berdekatan dengan jalan utama bagi kegunaan petani-petani yang mengusahakan pertanian berasaskan sekuriti makanan?

#### **YB ENCIK LEONG CHEOK KENG ( MALIM NAWAR )**

Pelan Pembangunan “Blueprint” Tanah yang tersedia untuk Pertanian

Saya mencadangkan bahawa, Kerajaan Negeri menyediakan suatu Pelan Pembangunan “blueprint” untuk segala tanah dalam negeri yang masih tersedia untuk tujuan penyewaannya untuk pertanian atau perternakan.

(a) Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap pandangan saya tersebut?

(b) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju sekiranya terdapatnya pelan “blueprint” tersebut, ia akan memudahkan proses permohonan penyewaan tanah oleh pengusaha-pengusaha?

(c) Adakah Kerajaan Negeri sedia untuk menyediakan pelan “blueprint” tersebut?

#### **YB ENCIK NGA KOR MING ( AULONG )**

Masalah kekurangan tanah pertanian

1. Minta YAB Menteri Besar nyatakan apakah rancangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah: -

a) Pengusiran petani, penternak dan penanam khususnya di Chemor, Gopeng, Tanah Hitam dan Kampar.

b) Masalah kekurangan tanah untuk bercucuk tanam.

c) Masalah kekurangan guna tenaga dalam sektor pertanian

**2. YB ENCIK LEOW THYE YIH ( POKOK ASSAM )**

Soalan mengenai isu kes penderaan kanak-kanak di Negeri Perak

(a) Berapakah bilangan kes penderaan kanak-kanak yang dilapor di Negeri Perak pada tahun 2020 dan tahun 2021?

(b) Apakah inisiatif yang dilakukan oleh Jabatan yang berkenaan dalam membantu mangsa penderaan tersebut?

(c) Apakah punca-punca yang menyebabkan isu kes penderaan kanak-kanak di Negeri Perak?

**3. YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN ( SUNGAI RAPAT )**

Bagaimana pihak berkuasa tempatan dapat melakukan penyelenggaraan sungai-sungai kecil terutamanya sekitar DUN Sg Rapat kerana didapati sungai-sungai kecil ini tidak diselenggara dengan baik atau berkala yang telah menyebabkan banjir?

**4. YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI ( MANONG )**

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan sebuah pertubuhan sukarela yg dikawal selia oleh Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional. Diawal penubuhannya, KRT berfungsi untuk memastikan penduduk.

a. Sejajar dengan perubahan masa, apakah konsep dan peranan KRT pada masa kini?

b. Berapakah jumlah KRT yang telah ditubuhkan di Negeri Perak?

c. Berapakah jumlah geran yang telah disalurkan oleh kerajaan persekutuan dan negeri kepada KRT?

**5. YB ENCIK YAHAYA BIN MAT NOR ( PASIR PANJANG )**

Data Penemuan Banci 2020 Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan populasi belia negeri Perak (15 hingga 39 tahun) pada tahun 2020 adalah seramai 1 juta orang mewakili 41 peratus jumlah populasi penduduk Perak.

a. Sejauhmana Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) melalui program Perak Employability Training Scheme (PERINTIS) berjaya menyelesaikan masalah pengangguran belia negeri Perak?

b. Adakah Program Sara Diri dan Kecemasan Mahasiswa benar-benar mencukupi dalam membantu mahasiswa terbabit, sekurang-kurangnya 1 semester?

c. Senaraikan kejayaan yang telah dicapai oleh Program Pengupayaan Mahasiswa yang dikendalikan oleh Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia untuk tahun 2022 ini?

**6. YB ENCIK LOH SZE YEE ( JALONG )**

Apakah inisiatif / langkah langkah yang diambil kerajaan bagi mengembangkan kesedaran alam sekitar dan 'industri hijau' di negeri Perak?

**7. YB DATO' DR. MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA ( BATU KURAU )**

Kawasan Batu Kurau terkenal dengan penghasilan buah durian kampung (tradisional) yang lazat dan bermutu tinggi. Ramai penggemar durian datang ke Batu Kurau untuk menikmatinya, sayangnya buah durian ini wujud secara bermusim.

Bolehkah Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian atau Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP/SADC) menubuhkan Taman Durian Batu Kurau sebagai suatu pusat sehenti mengeluarkan buah durian berkualiti di samping menghasilkan produk sampingan berasaskan durian sepanjang masa. Fokus utama ialah menarik pelancung-pelancung domestik dan antarabangsa?

**8. YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI ( BEHRANG )**

FELCRA Negeri Perak.

(i) Berapa banyak tanah-tanah pekebun-pekebun kecil yang bertaraf tanah GST dan dan dulunya berada di bawah kendalian FELCRA dalam Negeri Perak, yang kini telah menjadi kelompok tanah terbiar dan tidak memberi pulangan hasil pertanian yang sewajarnya.

(ii) Apakah perancangan pihak FELCRA Negeri Perak untuk mengembalikan peranan dan fungsi asal dan utama FELCRA sebagai agensi pemulih tanah-tanah terbiar dan menguruskan secara bersama aset-aset terbiar dalam Negeri Perak bersama-sama pekebun-pekebun kecil.

(iii) Apakah status projek penanaman buluh di tanah-tanah FELCRA di Hulu Perak dan perancangan impaknya terhadap tanah-tanah terbiar dikawasan lain dalam Negeri Perak

**9. YB DR JURIJ BIN JALALUDIN ( LUBOK MERBAU )**

Penginapan berbentuk 'Homestay' semakin diminati ramai oleh pelancong domestik. Berapa bilangan Homestay di Perak yang diiktiraf atau berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Dan Kesenian Malaysia.

a. Nyatakan bilangan Homestay mengikut Daerah di Perak

b. Nyatakan 'Homestay' yang dikunjungi ramai di Perak dan anggaran pendapatan setahun.

c. Nyatakan jika ada 'Homestay' yang ditutup akibat kekurangan pengunjung

**10. YB ENCIK TEOH YEE CHERN ( ASTAKA )**

Penilaian tanah di kampung baru yang terlalu tinggi mengakibatkan pemilik tanah tidak dapat memperbaharui pajakan tanah kerana harga premium yang tinggi. Adakah kerajaan negeri akan mengkaji semula kadar nilai tanah kampung baru ataupun menggunakan kadar nilai yang ditetapkan oleh kerajaan negeri Perak pada tahun 2008?

**11. YB ENCIK MOHD KAMARUDDIN BIN ABU BAKAR ( KUALA SEPETANG )**

Apakan perancangan Kerajaan mempertimbangkan untuk pemberian perlindungan Insuran Hayat kepada penerima bantuan bulanan JKM dimana ianya boleh membantu waris penerima bagi menyekat penambahan bilangan warga miskin?

**12. YB ENCIK TERENCE NAIDU A/L V.RAJA @ RAJA NAIDU ( PASIR BEDAMAR )**

Apakah status tanah kilang padi lama di Teluk Intan yang kini dibawah SSI?

a. Adakah ada apa-apa rancangan pembangunan atau rancangan masa depan untuk tanah ini?

**13. YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ ( SLIM )**

Apakah jaminan Kerajaan Negeri dalam menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi menjamin kelangsungan Skim Mikrokredit untuk memenuhi permohonan di kalangan peniaga - peniaga kecil yang semakin meningkat?

**14. YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU ( CHENDERANG )**

Kerajaan Negeri pada Ogos 2020 telah memperuntukkan RM2 juta bagi projek naiktaraf Gerbang Malam.

(i) Apakah status semasa pelaksanaan projek tersebut?

(ii) Adakah terdapat perubahan skop kerja berbanding pelan asal pembangunan?

**15. YB PUAN WONG MAY ING ( PANTAI REMIS )**

Isu kerosakan lampu jalan di Manjung telah menjadi kebimbangan apabila Jabatan Kerja Raya sentiasa mengatakan bahawa peruntukan diberi tidak cukup untuk program kerja penyelenggaraan mengikut jadual.

a) Nyatakan jumlah peruntukan negeri yang diagihkan kepada JKR negeri pada tahun 2022 dan jumlah diterimanya pada tahun 2021 dan 2022?

b) Nyatakan jumlah aduan kerosakan lampu jalan yang diterima dan jumlah kes selesai pada tahun 2021 dan 2022?

c) Nyatakan jumlah kes aduan kerosakan lampu jalan yang diproses lewat pada tahun 2021 dan 2022?

**16. YB ENCIK MOHAMAD NOOR BIN DAWOO ( SELINSING )**

Sila nyatakan jumlah Pusat - Pusat Khidmat Kesihatan yang perlu dibaikpulih di Negeri Perak?

**17. YB DR KO CHUNG SEN ( KEPAYANG )**

Daripada Keayang

Tajuk: Masalah Banjir di sekitar Bandaraya Ipoh

- a. Berapakah jumlah kes banjir yang telah dilapor pada tahun 2020 hingga tahun 2022?
- b. Apakah punca utama berlakunya banjir?
- c. Apakah rancangan pihak kerajaan dalam menangani masalah banjir?

**18. YB ENCIK MOHD KAMARUDDIN BIN ABU BAKAR ( KUALA SEPETANG )**

Apakah keberkesanan akan Modul kursus perkahwinan dengan jumlah penceraian waktu kini?

**19. YB ENCIK TAN KAR HING ( SIMPANG PULAI )**

Kawasan kaki bukit Bandaraya Ipoh

- a. Apakah status terkini tanah-tanah kaki bukit yang sebelum ini dicadangkan untuk dipajak secara "Pajakan Tanah Rizab" kepada Majlis Bandaraya Ipoh
- b. Adakah business model pengurusan kaki bukit di Tasik Cermin dan Qing Xin Ling melibatkan kerajaan negeri atau kerajaan tempatan? Jika YB, sila terangkan business model yang sedia ada.
- c. Apakah status terkini dan keberkesanan tentang projek "Urban Farming" dalam kawasan Bandaraya Ipoh yang dikatakan bakal memanfaatkan usahawan tempatan, pengeluaran makanan dan agrikultur pintar?

**20. YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI ( TEBING TINGGI )**

PENDIDIKAN

Dari jumlah seramai 70,455 orang pelajar yang tidak mengambil peperiksaan SPM tahun 2021, berapa ramai kah pelajar pelajar negeri ini yang terlibat? Mohon butiran lanjut dari segi pecahan mengikut daerah dan jenis sekolah. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri setakat ini?

**21. YB ENCIK AMINUDDIN BIN ZULKIPLI ( BEHRANG )**

Jabatan Parit dan Saliran Negeri Perak.

(i) Berapa banyak sungai-sungai dalam kawasan pertanian dalam Negeri Perak yang telah diluruskan oleh pihak JPS.

(ii) Mengapa kerja-kerja pelurusan sungai dibuat, sedangkan ia tidak termasuk dalam prosedur kerja-kerja penebatan banjir dan sebaliknya pendekatan 'back to nature' adalah yang terbaik.

(iii) Apakah langkah-langkah wajar yang hendak diambil bagi mengatasi krisis hakisan tebing sungai akibat aktiviti- aktiviti pertanian di dalam jarak 20 meter daripada tebing sungai dalam Negeri Perak?

**22. YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED ( TEMENGOR )**

3. Pelan Pembangunan Perak Sejahtera 2030 yang dilancarkan baru-baru ini telah menggariskan lima teras strategik bagi menentukan hala tuju pentadbiran kerajaan negeri. Merujuk kepada teras strategik ke-5 iaitu kepakaran berkualiti dan bernilai tinggi.

a) Apakah insentif atau cadangan daripada kerajaan negeri bagi menarik tenaga pakar untuk berkhidmat di negeri Perak.

b) Apakah langkah-langkah kerajaan negeri bagi memperbaharui ekosistem bertepatan dengan keperluan bidang pekerjaan berkemahiran dan bernilai tinggi?

**23. YB ENCIK CHONG ZHEMIN ( KERANJI )**

Sila nyatakan usaha kerajaan negeri untuk mengurangkan harga barang dan mengekang inflasi di Negeri Perak?

**24. YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA ( TRONG )**

Negeri perak tidak akan terlepas menjadi salah sebuah negeri yang akan berlaku peningkatan jumlah warga emas menjelang tahun 2030, dalam masa terdekat ini

a. apakah kerajaan telah memikirkan langkah-langkah awal untuk mendepani cabaran negara/negeri menua ini?

b. apakah hospital dan pusat-pusat kesihatan daerah telah membuat unjuran terhadap bilangan warga emas yang bakal mendapatkan rawatan di klinik2 kerajaan ini menjelang 2030?

c. sekiranya sudah,apakah langkah atau proses awal bagi menyediakan kemudahan yang selesa untuk warga emas ini mendapatkan rawatan?

**25. YB ENCIK YONG CHOO KIONG ( TRONOH )**

1. Isu padang ragut yang terbiar dan menjadi tanda tanya sejauh manakah tindakan dan pemantauan dari pihak veterinar berkenaan lot lot yg diberikan kepada penternak dipadang ragut di Kampung Piandang Siputeh.

i. Apakah langkah pihak berwajib bagi mengatasi masalah ini memandangkan isu ini telah berlarutan sehingga beberapa tahun?

**26. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

Syarikat konsesi Puncak Emas Infra Sdn. Bhd..

1) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap syarikat konsesi Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. Yang tidak dapat menyelesaikan aduan rakyat dengan cekap dan efisien?

2) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat memastikan kecekapan perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat konsesi ini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang?

3) Apakah pengaturan kepada semua kakitangan kerajaan pihak berkuasa tempatan setelah hampir semua kerja-kerja telah diganti oleh syarikat konsesi?

**27. YB ENCIK CHONG ZHEMIN ( KERANJI )**

(a) Sila nyatakan samaada penjualan tanah lapangan terbang di Seri Iskandar mendapat kelulusan dari ahli lembaga PKNP?

(b) Sila nyatakan apakah jumlah keluasan tanah yang dijual dengan jumlah nilai?

**28. YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU ( CHENDERIANG )**

Kerajaan Negeri telah mengumumkan pelaburan berjumlah RM486 juta dalam oleh lima syarikat di bawah Perniagaan Global atau Global Business Services (GBS). Berapakah jumlah pelaburan yang direalisasikan sehingga sekarang dan status pelaksanaanya?

**29. YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH ( BELANJA )**

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021

a) Apakah pencapaian keputusan SPM 2021 bagi negeri Perak dari segi Gred Purata Negeri (GPN) serta peratus calon yang layak menerima sijil SPM 2021 berkenaan?

b) Nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan bagi memastikan jumlah calon negeri Perak yang layak menerima sijil SPM 2022 ada berlaku peningkatan?

**30. YB DR KO CHUNG SEN ( KEPAYANG )**

Pelancongan

- a. Apakah rancangan dan inisiatif kerajaan negeri dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Perak selepas pandemik Covid 19?
- b. Apakah program Tourism Perak dalam usaha mempromosikan tempat pelancongan Negeri Perak?
- c. Apakah jenis bantuan atau subsidi yang akan diberikan kepada agensi-agensi swasta yang terbabit dan terjejas akibat pandemik covid 19 supaya mereka dapat pulih kepada keadaan yang asal?

**31. YB ENCIK LEONG CHEOK KENG ( MALIM NAWAR )**

1. Kenaikan Harga Barang-barangan

Kebelangkangan ini, harga barang-barangan khususnya harga makanan semakin naik.

(a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kenaikan harga ini?

(b) Dalam keadaan ini, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat untuk meringankan beban kewangan mereka?

(c) Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini dari segi menyelesaikan punca penyebabnya?

**32. YB CIK NG SHY CHING ( TEJA )**

Pendidikan Awal Kanak-Kanak Orang Asli

- a) Sila senaraikan kampung Orang Asli di Negeri Perak yang dilengkapi dengan institusi pendidikan awal.
- b) Apakah usaha kerajaan negeri dalam memantapkan perkhidmatan pendidikan awal di kawasan masyarakat Orang Asli bagi menyediakan anak-anak mereka dalam menghadapi pendidikan sekolah rendah?
- c) Apakah bantuan dari segi dana, latihan, penyediaan tempat dan sebagainya yang ditawarkan oleh pihak kerajaan dalam hal ini?

**33. YB ENCIK MOHAMAD NOOR BIN DAWOO ( SELINSING )**

Sistem E-Kasih memang dikenali bagi membantu pihak kerajaan dalam mengenal pasti tahap ekonomi.

Berapa tahun sekali bancian ini dilakukan untuk mengenalpasti kesusahan penerima skim ini?



**34. YB ENCIK TAN KAR HING ( SIMPANG PULAI )**

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

- a. Apakah kedudukan terkini tentang program tersebut dari segi keluasan tanah yang disediakan, keluasan tanah yang dimajukan, jumlah pesertanya, jumlah nilai pengeluaran makanan dan jenisnya?
- b. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan lebih banyak tapak bagi menampung kegunaan program tersebut?
- c. Apakah pandangan atau penilaian tentang tahap keberkesanan program bagi maksud tujuan penubuhan dan prestasinya setakat ini oleh kerajaan negeri?

**35. YB DATO' HJ. SAMSUDIN BIN ABU HASSAN ( AYER KUNING )**

Pertengahan Bulan Jun 2022 Batang Padang dilanda banjir kilat hingga memusnahkan jambatan dan kehidupan rakyat, apakah tindakan telah dan akan dilakukan oleh kerajaan negeri bagi menggantikan Jambatan roboh dan aliran sungai yg tidak baik?

**36. YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH ( BELANJA )**

Penyakit Tangan Kaki dan Mulut (HFMD)

- a) Berapakah jumlah kes penyakit tangan kaki dan mulut (HFMD) mengikut daerah mulai Januari hingga June 2022?
- b) Nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan bagi mengurangkan penyakit tangan kaki dan mulut di Negeri Perak?

**37. YB DATO' HAJI ASMUNI AWI ( MANJOI )**

Peruntukan Program Pemantapan Infratraktur Bagi Mamacu Kesejahteraan (PEMACU) 2022.

- (a) Sila nyatakan jenis-jenis kerja di bawah ini samada termasuk di bawah katogeri menaik taraf atau pun perbekalan;

- i-Memasang penghawa dingin.
- ii-Menukar pintu surau / bangunan.
- iii-Memasang 'PA System'.
- iv-Memasang CCTV.
- v-Membekal kerusi meja.
- vi-Membekal pakaian sekolah.

- (b) Apakah kriteria yang diguna pakai dalam menentukan samada sesuatu kerja itu sebagai menaiktaraf atau pun perbekalan?

**38. YB DATO' DR. MUHAMMAD AMIN BIN ZAKARIA ( BATU KURAU )**

Mohon Penjelasan

a) Apakah kerajaan Negeri Perak akan mempertimbangkan untuk menurunkan syarat umur permohonan rumah prihatin dan rumah di Projek Perumahan Rakyat (PPR)?

**39. YB ENCIK LOH SZE YEE ( JALONG )**

Nyatakan langkah langkah yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk menangani isu kenaikan harga makanan dan barangan asas yang melanda rakyat kini

**40. YB ENCIK MOHAMAD ZURAIMI BIN RAZALI ( MANONG )**

Ibu tunggal dan OKU merupakan antara golongan yang perlu dibantu dan terima kasih kepada usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan negeri sebelum ini. Berapakah jumlah terkini ibu tunggal di negeri Perak dan bolehkah diberi kelonggaran bagi syarat permohonan bantuan ibu tunggal oleh pihak kerajaan negeri seperti bantuan bulanan JKM atau kad prihatin Perak memandangkan kos sara hidup yang makin meningkat dan menekan kehidupan ibu tunggal untuk menyara anak-anak

**41. YB DATO' HAJI ZAINUN BIN HAJI MAT NOOR ( CHENDEROH )**

Tahniah kepada Kerajaan Negeri Perak dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Perak Sejahtera Tahun 2022, melalui Jabatan Pengangkutan Jalan diperuntukan kepada Exco infrastruktur, Tanaga, Air dan Pengangkutan Awam Program Lesen Motosikal Perak Sejahtera yang akan memberi manfaat kepada kumpulan B40

a) Adakah kerajaan negeri Perak akan menambahkan peruntukan dan penerima bagi program ini?

b) Adakah program ini akan diperluaskan kepada setiap daerah dalam negeri Perak?

**42. YB ENCIK TERENCE NAIDU A/L V.RAJA @ RAJA NAIDU ( PASIR BEDAMAR )**

Integrasi

a. Apakah perbelanjaan terkini di bawah portfolio ini dan pecahan mengikut kaum/ agama

**43. YB ENCIK SIVANESAN A/L ACHALINGAM ( SUNGKAI )**

Kawalan Harga Jualan

Harga ikan di pasaran telah melambung tinggi dan nampaknya sehingga hari ini KPDNHEP telah gagal menangani masalah ini. Ini menyusahkan rakyat yang bergantung kepada ikan sebagai sumber protein.

Soalan.

- i. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal keadaan ini?
- ii. Senaraikan masalah-masalah yang dihadapi oleh industri ikan dan cara-cara untuk mengatasinya?
- iii. Apakah peranan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam pembekalan dan pengawalan harga ikan di pasaran kita?

**44. YB ENCIK DR MUHD FADHIL BIN NURUDDIN ( KAMUNTING )**

Bagaimanakah pencapaian kemenjadian pelajar sekolah yang telah mengikuti PDPR semasa PKP dahulu?

1. Sejauh manakah keberkesanan kaedah taksiran yang digunapakai untuk mengukur kemenjadian pelajar ini?

**45. YB ENCIK NGA KOR MING ( AULONG )**

Penjualan tanah rizab Lapangan Terbang Antarabangsa Seri Iskandar

3. Minta YAB Menteri Besar nyatakan secara terperinci kronologi peristiwa, jumlah harga dan kedudukan terkini skandal penjualan Tanah Lapangan Terbang Antarabangsa Seri Iskandar, Perak Tengah?

**46. YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM ( TITI SERONG )**

Daerah Kerian terkenal dengan keistimewaan Jelapang Padi, namun sejak akhir-akhir ini telah berlakunya pertindihan bidang tugas, penyeliaan dan penyelenggaraan aset-aset yang berkaitan dengan sistem pengairan dan saliran termasuklah rumah pam di antara pihak IADA Kerian Kementerian Industri Asas Tani (persekutuan) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (negeri). Pertindihan ini telah menyebabkan kewujudan birokrasi di peringkat bawah. Ianya sekaligus menyebabkan parit saliran, jalan ladang serta rumah pam tidak dapat diselenggara dengan baik.

- i) Mohon penjelasan terperinci oleh pihak YB Exco berhubung isu ini.
- ii) Apakah kaedah yang dilaksanakan bagi mengelakkan pertindihan kuasa dalam jabatan ini?
- iii) Apakah langkah proaktif yang boleh diambil bagi mengurangkan birokrasi yang telah berlaku?

**47. YB PUAN WONG MAY ING ( PANTAI REMIS )**

Cuti bersalin kini dilanjutkan daripada 90 hari kepada 98 hari, manakala cuti paterniti pekerja lelaki dilanjutkan daripada 3 hari kepada 7 hari.

- a) Terangkan masalah atau cabaran yang dihadapi kerajaan negeri semasa menjalankan dasar tersebut.
- b) Adakah rancangan kerajaan negeri dalam menangani diskriminasi terhadap wanita mengandung, terutamanya semasa pengambilan pekerja.
- c) Adakah langkah proaktif yang dijalankan oleh kerajaan negeri bagi memastikan pihak swasta memberi kerjasama terhadap dasar berkenaan. Sebagai contoh, Adakah subsidi atau insentif negeri akan diberi kepada syarikat yang mengambil wanita mengandung untuk bekerja?

**48. YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN BIN ABD MUNAIM ( TITI SERONG )**

Kenaikan harga bahan binaan yang melambung tinggi telah menyebabkan kegusaran dan kekhuatiran dalam kalangan kontraktor namun kerja-kerja yang dilaksanakan masih mengikut kadar dan spesifikasi kuantiti yang terdahulu. Masalah ini telah menjejaskan prestasi kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja seperti yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- i) Mohon penjelasan terperinci oleh pihak YB Exco Pembangunan Luar Bandar berhubung isu ini.
- ii) Adakah harga kontrak kerja akan dikaji semula atau kuantiti kerja akan diubah di dalam Inden ?
- iii) Adakah langkah yang telah diambil oleh pihak berkaitan dalam menangani isu ini ?

**49. YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED ( TEMENGOR )**

Isu pencerobohan gajah liar.

- a) Berapakah jumlah penangkapan gajah liar di negeri Perak terutama dalam daerah Hulu Perak sejak tahun 2020.
- b) Adakah tindakan segera yang boleh dilakukan oleh pihak perhilitan apabila pencerobohan gajah liar dan rancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah ancaman tersebut.
- c) Adakah terdapat sebarang bantuan yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi membantu petani yang mengalami kerugian akibat serangan haiwan gajah liar

**50. YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN ( SUNGAI RAPAT )**

Adakah tindakan atau penguatkuasaan kekal terhadap isu longgokkan sampah di Pasar Target Desa Pakatan kerana sehingga kini masalah tersebut makin tidak

terkawal dan adakah penguatkuasaan telah diambil terhadap pengurusan pasar tersebut?

**51. YB ENCIK YONG CHOO KIONG ( TRONOH )**

Pada zaman teknologi ini keperluan smartboard disekolah sekolah adalah menjadi satu keperluan.

i. Adakah pihak pendidikan negeri mempunyai cadangan untuk menukar kaedah pembelajaran tradisional kepada penggunaan smartboard?

**52. YB DATO' MOHD. TARMIZI BIN HAJI IDRIS ( KENERING )**

Pembangunan Institusi Maahad Tahfiz.

a) Berapakah jumlah Maahad Tahfiz milik Kerajaan dan swasta yang berdaftar di Negeri Perak?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri?

**53. YB CIK NG SHY CHING ( TEJA )**

Pembangunan Kampung Baru di Negeri Perak

a) Apakah sebab perlantikan Pegawai Kemajuan Perkampungan (PKP) yang menyelaraskan kampung-kampung baru di Perak tidak dilakukan bermula tahun 2020 sehingga kini?

b) Sila senaraikan jumlah peruntukan pembangunan yang telah diterima oleh kampung baru di Negeri Perak dari kerajaraan persekutuan dan kerajaan negeri masing-masing bagi tempoh tahu 2018-2022.

c) Apakah tindakan dan usaha kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu perlantikan Pegawai Kemajuan Perkampungan yang lama tertangguh ini, di samping memastikan pembangunan di kampung-kampung baru tidak terus terbantut?

**54. YB DR MUHD FADHIL BIN NURUDDIN ( KAMUNTING )**

Apakah strategi kerajaan bagi jangkamasa pendek dan panjang bagi mengatasi masalah sekuriti makanan dan inflasi di Perak terutama untuk kalangan golongan B40 yang terjejas teruk?